

30 SEP 1999

Najib-Guru

GURU-GURU JANGAN BERPOLITIK DI SEKOLAH

KOTA BAHARU, 30 Sept (Bernama) -- Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata tindakan tatatertib boleh dikenakan terhadap guru-guru yang berpolitik ketika berada di sekolah kerana ia menyalahi etika perguruan.

Beliau berkata mereka tidak harus berbuat demikian bagi menjaga taraf sekolah sebagai tempat untuk pelajar menimba ilmu dan pendidikan tentang nilai-nilai murni.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Profesional Guru Besar dan Mesyuarat Agung Perwakilan Majlis Guru Besar Kelantan kali ke-16 di sini, hari ini.

Beliau menjelaskan hanya sebahagian kecil guru-guru di negara ini yang terbabit dalam kegiatan menyokong pembangkang walaupun kerajaan telah berulang kali mengingatkan mereka.

Katanya, kementerian amat bertimbang rasa terhadap guru-guru sebelum mengambil sebarang tindakan tatatertib seperti penurunan pangkat kerana apa yang penting dilakukan terlebih dahulu ialah menasihati mereka.

Najib turut menyatakan kesalnya kerana kerajaan Kelantan pimpinan Pas gagal menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi kepada anak-anak Kelantan yang tamat belajar di beberapa universiti tempatan dan luar negara.

"Anak-anak Kelantan begitu ramai menuntut di universiti tempatan tetapi apabila tamat mereka tidak boleh bekerja di negeri sendiri kerana peluang pekerjaan terhad," katanya.

Najib, Naib Presiden Umno, juga berkata rakyat negara ini tidak perlu meminta campur tangan pihak asing dalam usaha mencapai matlamat mereka.

"Kalau mereka `gentleman' tak perlu panggil negara luar bantu tetapi bertanding dalam pilihan raya, biar rakyat tentukan nasib mereka," katanya.

Negara-negara luar juga tidak perlu campur tangan kerana kerajaan hari ini adalah yang dipilih oleh rakyat, kata beliau.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata kementerian itu sedang mengkaji syor daripada Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lulusan Maktab untuk menghadkan bilangan pelajar dalam sesebuah kelas kepada seramai 35 orang dan mengadakan dua sesi pembelajaran bagi sekolah yang mempunyai 1,000 hingga 1,500 pelajar.

Katanya kementerian itu juga telah selesai mengedarkan borang opsyen kepada 171,000 pegawai pendidikan bukan siswazah untuk berpindah ke gred baru bersesuaian dengan peningkatan taraf sijil perguruan kepada diploma.

Sementara itu Yang Dipertua Majlis Guru Besar Kelantan, Muhammad Mustapha mengesyorkan agar mana-mana guru besar yang didapati terbabit menyokong pembangkang diturunkan pangkatnya kepada penolong kanan.

Majlis itu juga turut menyatakan sokongan kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Seramai 405 guru besar sekolah rendah di negeri ini menghadiri seminar itu.

-- BERNAMA

ZI NMO